

**KE ARAH PENILAIAN, PERKEMBANGAN DAN PEMUPUKAN
BAHASA MELAYU SUPRANASIONAL**

***TOWARDS THE ASSESSMENT, EXPANSION AND ENHANCEMENT OF
MALAY AS A SUPRANATIONAL LANGUAGE***

Jyh Wee Sew

Centre for Language Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, National
University of Singapore, Singapore
Email: clssjw@nus.edu.sg

Bahasa Melayu memerlukan rombakan struktural pada tahap penilaian, pentadbiran dan pendidikan informal sebagai langkah dalam pemeliharaan bahasa dan budaya Melayu untuk menjadi bahasa asing yang mantap. Artikel ini membincangkan beberapa syor utama sebagai agenda bahasa baru. Pertama, bahasa Melayu asing yang bertauliah dalam pasaran antarabangsa memerlukan satu sistem penilaian yang selaras seperti Test of English as Foreign Language (TOEFL) atau International English Language Testing System (IELTS). Kedua, program bahasa Melayu asing akan berswadaya menerusi langkah pemupukan yang teratur. Lantaran itu, pakar bahasa Melayu mempunyai peranan penting sebagai duta pendidikan bahasa asing di persidangan antarabangsa. Pada masa sekarang tiada badan penggerak yang terlibat dalam urusan penajaan pakar bahasa untuk menyalurkan maklumat akademik yang menjurus ke arah pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Contohnya, di negara Jepun terdapat Yayasan Jepun yang memberikan sokongan padu dalam perkembangan dan pementapan pendidikan bahasa dan budaya Jepun. Ketiga, sumbangan komuniti penutur asal berkemampuan mewujudkan momentum positif dalam program bahasa Melayu asing di pasaran antarabangsa. Komuniti tempatan menjadi alternatif terbaik bagi melengkapi pedagogi bahasa yang berpusatkan pengajar. Kaedah dalam pendidikan bahasa asing yang berpusatkan guru bahasa telah dikenal pasti sebagai faktor utama di sebalik kelemahan pemerolehan bahasa Melayu asing dalam kajian mutakhir. Faktor akademik seperti penilaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing, peranan ahli profesional sebagai "mubaligh bahasa Melayu" dan peluang berbahasa secara optimum bersama komuniti Melayu tempatan dapat menghasilkan suatu program bahasa Melayu asing yang ampuh. Justeru, sebuah jentera penggerak seperti Yayasan Bahasa Melayu akan membawa pengaruh besar dalam pengurusan pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing, baik dari segi penilaian, mahupun dalam penyebaran dan pengayaan. Seterusnya, Yayasan Bahasa Melayu akan memberikan fasa baru dalam penyebaran bahasa Melayu sebagai lingua franca serantau seperti dahulu kala di rantau Asia Tenggara.

Kata kunci: Yayasan Bahasa Melayu, bahasa Melayu asing, penilaian bahasa Melayu, duta bahasa Melayu, pasaran antarabangsa bahasa Melayu

This article suggests that an organised and properly managed Malay foreign language programme contributes significantly to Malay language and culture preservation. To this end, select academic domains are highlighted as areas of improvement towards a sound Malay foreign language programme. Firstly, a Malay foreign language requires proper assessment instrument, not least because a recognised foreign language programme in the current business market requires a standardised foreign language assessment. Both Test of English as Foreign Language (TOEFL) and International English Language Testing System (IELTS) are prime examples of standard language testing instruments which are well-subscribed across the world. Secondly, a Malay foreign language programme benefits from a series of focused deliberation by expert Malay language ambassadors at major international conferences. Currently, no organisation looks into the sponsorship of Malay experts to disseminate and promote academic development as well as cultural information towards Malay language education at the international level. As a comparison, Japanese Foundation is an astute state board promoting Japanese through various kinds of sponsorship. Thirdly, the local speech community playing a part in learning enrichment adds vibrancy to the delivery of a foreign language. Local Malay speech communities make an excellent alternative in complementing teacher-centred pedagogy, which is identified as a main reason for low achievement in the acquisition of Malay language in current research. Arguably, the combination of proper academic evaluation, professional deliberation and local educational exposure in language learning and enhancement generates a vital force for establishing a sound Malay foreign language in a competitive international foreign language market. Consequently, the creation of an executive board such as a Malay Language Foundation is relevant to launch the academic support in Malay language education and transform Malay foreign language into a sought-after academic option in a global language market thus reviving the lingua franca status that Malay once held in the Southeast Asian region.

Keywords: Malay Language Foundation, Malay foreign language, Malay assessment, Malay language ambassador, Malay language in international market

PENGENALAN

Keinginan untuk menguasai bahasa Inggeris agar seseorang dapat lulus dengan cemerlang dalam pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar telah mencetuskan migrasi baru dari Asia Timur ke Asia Tenggara. Sebagai contoh, ibu pengiring pelajar (*study mother*) dari China, Korea Selatan dan Taiwan mula berhijrah ke Asia Tenggara. Ibu pengiring merupakan golongan ibu yang menemani anak mereka untuk memulakan pendidikan baru di Singapura atau Filipina di samping New Zealand dan Australia (Huang dan Yeoh, 2005).

Sasaran pasangan penghijrah ibu-anak ini ialah pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Hakikatnya, sistem pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sesetengah negara Asia Tenggara dianggap lambang kemajuan oleh masyarakat Asia Timur. Sikap pro-pendidikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang disanjung oleh penutur jati bahasa Mandarin, Korea dan Jepun telah melahirkan proses merantau rentas benua dalam kalangan pelajar Asia Timur khususnya bagi pelajar remaja dan praremaja dari wilayah-wilayah di China Utara, seluruh Korea Selatan dan bandar-bandar utama di Taiwan.

Migrasi pendidikan dari Asia Timur ke Asia Tenggara yang melibatkan ibu-anak ini berlaku secara terancang. Dalam masa yang singkat pelajar yang datang bermastautin di negara Komanwel (bekas jajahan Inggeris) berjaya menyesuaikan diri dengan bahasa Inggeris yang pada mulanya serba asing sehingga berjaya menjadikannya sebagai bahasa kedua. Biasanya, jangka masa yang diperlukan untuk menguasai bahasa Inggeris hanya setengah tahun. Seperkara lagi, penulis berpeluang tinggal bersama seorang pelajar dari wilayah Shenyang, utara China. Pelajar ini mampu menguasai bahasa Inggeris dan menjadi pelajar cemerlang sehingga berjaya memasuki maktab rendah terbaik di Singapura iaitu Maktab Rendah Raffles.¹ Seterusnya, pelajar ini menjadi mahasiswa Universiti Nasional Singapura. Hantaran teks SMS (*short message service*) pelajar ini kepada penulis memang sarat dengan singkatan bahasa Inggeris seperti *LOL (laughing out loud)*, *bcos (because)* dan *i c (I see)*. Ia merupakan satu identiti baru yang bersifat keinggerisan telah terbit dalam interaksi pelajar ini.

Kebanyakan pelajar asing yang pada mulanya kekok bertutur dalam bahasa Inggeris akan menjadi pelajar yang berswadaya dalam tempoh masa setahun pada peringkat menengah. Pelajar asing ini juga mewujudkan persaingan hebat dalam sistem pendidikan baru sehingga mencabar peluang dan tempat pelajar tempatan. Tekanan pendidikan dalam bentuk persaingan sengit bagi mendapatkan biasiswa dan tempat di institusi pengajian tinggi menjadi ketara apabila pelajar asing menguasai bahasa Inggeris dengan baik di sekolah tempatan. Menurut Chew (2010), pelajar dari negara China yang menukar bahasa pengantar mereka daripada bahasa Mandarin kepada bahasa Inggeris pada usia belasan tahun telah mencapai keputusan peperiksaan yang cemerlang termasuk keputusan mata pelajaran sains dan matematik. Oleh itu, pandangan sesetengah ahli bahasa terapan bahawa pertukaran medium pengantar secara mendadak membawa kemudaran pendidikan dalam pemahaman pelajar kini tercabar. Ternyata fahaman lama tentang kesan pertukaran bahasa pengantar ke atas pencapaian pendidikan di sekolah menengah semakin tergugat dengan prestasi akademik pelajar dari negara China.

Dari sudut pendidikan, pengalaman penilaian bahasa asing paling ketara dialami oleh calon peperiksaan bahasa Inggeris dan para sarjana muda yang ingin melanjutkan pelajaran ke negara-negara Komanwel terpilih serta Amerika

Syarikat. Calon-calon yang bakal menjadi pelajar pendidikan tinggi akan menyedari betapa mustahaknya peperiksaan International English Language Testing Systems (IELTS) dan Test of English as a Foreign Language (TOEFL) yang menjadi syarat kemasukan pelajar asing ke menara gading di negara yang menawarkan pendidikan ijazah sarjana muda, ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran dalam bahasa Inggeris. Artikel ini membincangkan hala tuju pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang bertaraf antarabangsa. Penilaian akademik berperanan besar demi meningkatkan kemajuan pelajar dalam pendidikan bahasa asing. Sebagai contoh, penilaian progresif bahasa asing berupaya memberikan pengaruh positif dalam teknik pembelajaran elektronik. Pelajar bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu pada peringkat pengajian tinggi telah menunjukkan kesungguhan dalam proses pembelajaran rentas bilik darjah menerusi warkah blog demi mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Terdapat persoalan baru iaitu "bagaimana dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa asing?" Sebenarnya, pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing cukup memberangsangkan. Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2012 telah disertai oleh 33 buah negara. Antara negara-negara yang turut bertanding ialah Albania, Afrika Selatan, Afghanistan, Belanda, China, Ghana, India, Itali, Jepun, Jerman dan banyak lagi.² Selain daripada itu, sejak 1992 Malaysia telah menandatangani memorandum dengan Institut Pengajian Asia Antarabangsa untuk menawarkan Kursi Pengajian Melayu dengan Universiti Leiden di Belanda. Antara pakar yang pernah menyandang kursi ini termasuk Profesor Muhammad Haji Salleh (1993–1994), Profesor Md. Salleh Yaapar (2005–2006) dan Profesor Mashudi Kader (2007–2008).

Perlu dinyatakan bahawa aktiviti pengajian bahasa dan budaya Melayu agak sepi di London pada masa sekarang (komunikasi bersemuka dengan Laurent Metzger, Julai 2011).³ Terdapat penyusutan bilangan jawatan profesor bahasa dan sastera Melayu selepas persaraan Vladimir Barginsky dan E. U. Kratz dari Jabatan Sastera dan Bahasa Melayu, School of Oriental and African Studies (SOAS). Hal ini disebabkan oleh kekosongan jawatan tersebut tidak diisi sepenuhnya. Sebenarnya, SOAS di London sudah tidak menawarkan subjek bahasa Melayu sejak 30 tahun lalu. Yang ada hanya modul bahasa Indonesia sebagai bahasa asing (komunikasi selingan dalam syarahan umum Braginsky, 2008). Pada masa yang sama, perubahan hala tuju kajian kepakaran terus berlaku dalam komuniti pakar bahasa Melayu. Pakar bahasa dan dialek Melayu, James T. Collins, kini disenaraikan sebagai pakar rujuk bahasa Indonesia di Universiti Northern Illinois, Amerika Syarikat.

Sebagai galakan bagi merencanakan usaha perkembangan bahasa Melayu ke peringkat supranasional, bahasa Melayu telah ditawarkan sebagai bahasa asing di universiti terkemuka termasuk Beijing, Hankuk (Korea Selatan), Hawaii, Jerman, Leiden, Ohio, Perancis, Rusia, Wellington dan Tokyo. Sememangnya,

pasaran bahasa Melayu asing sudah sedia wujud. Terdapat lima markas antarabangsa yang masih aktif mempertingkatkan bahasa dan budaya Melayu. Kelima-lima pusat pengajian tinggi tersebut telah memperuntukkan dana bagi kursi Pengajian Melayu dalam usaha melanjutkan pengajian bahasa Melayu. Pusat pengajian tinggi tersebut seperti Universiti Ohio di Athens, Amerika Syarikat, Universiti Pengajian Asing Hankuk di Korea Selatan, Universiti Pengajian Asing Beijing di negara China, Universiti Victoria di Wellington, New Zealand dan Goethe-University di Frankfurt, Germany. Penyandang kursi Tun Abdul Razak di Athens ialah Profesor Dr. Habibah Ashari. Beliau menyandang kursi tersebut mulai Julai 2011. Profesor Dr. Zaharani Ahmad merupakan penyandang kursi pengajian Melayu di Hankuk dari 2011 hingga 2012 manakala Profesor Dr. Awang Sariyan merupakan mantan profesor bagi kursi pengajian bahasa Melayu Malaysia-China di Beijing dari 2008 hingga 2011. Pada masa ini, penyandang kursi pengajian Melayu di Wellington ialah Profesor Dr. Wan Rafaei, seorang pakar ilmu psikologi manakala di benua Eropah pula, Profesor Arndt Graf selaku pengerusi Jabatan Pengajian Asia Tenggara Goethe-University merupakan pengiat bahasa dan budaya Melayu yang aktif.

PERMASALAHAN

Perbincangan ini meninjau beberapa pendekatan ke arah pemupukan bahasa Melayu asing yang bertaraf antarabangsa. Mekanisme pengurusan bahasa yang terancang memberikan keyakinan kepada pelajar asing bahawa bahasa Melayu setanding dengan bahasa-bahasa asing yang lain pada peringkat supranasional. Namun begitu, usaha ke arah tersebut masih belum kelihatan di mana institusi penggerak dan penyelidikan bahasa Melayu seperti Majlis Bahasa Melayu Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Akademi Pengajian Melayu (APM) yang terlibat sama ada dalam tugas perancangan, perkembangan serta penyebaran bahasa Melayu atau pendidikan dan kajian budaya-bahasa Melayu hingga sekarang masih belum berminat untuk menumpukan perhatian pada peperiksaan kefasihan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di pasaran bahasa antarabangsa.

Sebenarnya usaha MABBIM dalam mempertingkatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serantau hanya tertumpu pada pemantapan ejaan dan penyelarasan peristilahan di antara negara-negara keanggotaannya. Hal ini telah diakui dalam buku *Carik-carik Bulu Ayam* (Asmah, 2010: 145):

Selama 35 tahun, yakni dari tahun 1972 sehingga tahun 2007, MBIM/MABBIM memberi tumpuan dan perhatian kepada penyempurnaan sistem ejaan dan penghasilan istilah dalam berbagai-bagai bidang dan subbidang. Orang yang di luar sana tertanya-tanya, dan ada yang mengatakan bahawa tidak habis-

habiskah kerja istilah? Dan sampai bila MBIM/MABBIM akan terus mencipta istilah?⁴

Salah satu perkara yang dapat disimpulkan daripada petikan tersebut ialah bahasa Melayu telah menjalani proses pembinaan dan pemantapan sehingga mencapai taraf bahasa ilmu yang berswadaya. Pengayaan bahasa Melayu dari segi leksikon yang dimulakan sejak 1972 telah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk meneroka lapangan ilmu baru dalam pelaksanaan program pendidikan bahasa Melayu. Seterusnya, perkembangan yang sejajar ialah penilaian yang selaras pada peringkat supranasional bagi pelajar asing. Penilaian bahasa Melayu asing adalah bermanfaat sebagai satu perkembangan yang bersinambung dari usaha MABBIM. Dengan ini, pelajar asing yang perlu melanjutkan pendidikan ke sekolah dan institusi pengajian tinggi akan menduduki peperiksaan kelayakan bahasa Melayu yang setara. Permintaan terhadap pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing dipercayai akan meningkat secara seimbang dan sejajar dengan permintaan bahasa Inggeris.⁵ Ekorannya, geronggang akademik khususnya dalam bidang penilaian prestasi pencapaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing, yang sedang mengamit pengisiannya, akan termakbul.

Sebenarnya, persoalan sejauh manakah bahasa Melayu dapat melangkah gagah ke ambang pasaran antarabangsa bukan lagi suatu topik perbincangan yang baru. Langkah-langkah penakatan bahasa Melayu ke tahap supranasional ini pernah mendapat liputan luas pada akhir 2009 dan juga pertengahan 2010 dalam media massa seperti majalah bahasa dan siaran diskusi di televisyen. Jika ditinjau dari sudut perancangan pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Pusat Bahasa pada peringkat universiti, perbandingan pendidikan bahasa Melayu dengan beberapa bahasa asing yang lain mendedahkan sekurang-kurangnya terdapat tiga agenda penjana nilai bahasa Melayu untuk ditinjau bersama-sama. Pertama, pengurusan kaedah penilaian bahasa Melayu asing secara sistematik dipercayai ada pertalian rapat dengan taraf bahasa Melayu sebagai saluran pengetahuan yang berwibawa dan disegani dalam kalangan pelajar asing. Pelaksanaan penilaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang berpiawai tinggi pada tahap supranasional dapat memperkukuh taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang ampuh. Kedua, dana perkembangan bahasa Melayu pada tahap antarabangsa perlu diwujudkan dan ketiga, penawaran terhadap pemantapan pengajian budaya dan bahasa Melayu dalam bentuk bahasa asing melalui program belajar cuti akhir semester.

PENGAEDAHAN

Sebagai fahaman teras, pendekatan aneka perspektif pada tahap global secocok dengan haluan kajian ilmu kemanusiaan dan sains sosial yang menerapkan perkembangan sebenar di dalam lapangan.⁶ Realiti tempatan yang terkandung dalam komunikasi antara dua pihak yang berkepentingan bersama menepati

kaedah majmuk yang bersifat reflektif. Kesahihan realiti tempatan sebegini jauh lebih penting dan berfaedah kerana kesinambungan antara kenyataan rencam dan fahaman teoritis dapat dicerakin dalam proses pemajmukan pengetahuan dalam ilmu kemanusiaan. Landasan ilmu di sebalik pendekatan aneka perspektif global-tempatan ini dihuraikan seperti berikut (Goh, 2011a: 44):

As regional scholars interrogate the differences between the region and the Western world, as well as "local" imperatives behind the production of knowledge in both the West and the region, moments of the highly local in the constitution of the Western humanities and the social sciences are better revealed...The project of theorizing the local/regional is...about intergenerational and intraregional tensions, differences and continuities in terms of shared conditions, commitment, and struggle.⁷

Perbincangan ini bersifat pemerhatian interaktif dengan pihak pentadbiran tertentu semasa mengendalikan tugas yang berkaitan dengan persidangan bahasa. Pengamatan penulis di dalam kelas bahasa Melayu sebagai bahasa asing di universiti, komunikasi sesama rakan sekerja serta interaksi bersemuka ataupun jarak jauh dengan rakan seperjuangan di luar negara disertakan sebagai sokongan tambahan. Syor agar bahasa Melayu dipertingkatkan sebagai bahasa asing yang berpiawaian memang lahir daripada aneka perspektif yang bersifat lokal memandangkan hujah yang dibentangkan merupakan tadahan maklumat sebenar di tempat kerja dan medan interaksi yang membabitkan bahasa Melayu. Interaksi dengan rakan seperjuangan dijadikan rujukan perbandingan ke atas indeks penilaian bahasa asing yang sedia wujud di pasaran bahasa antarabangsa. Pendekatan kualitatif dalam penyampaian maklumat ini bersifat heuristik dan bersandarkan kenyataan yang sahih di dalam dunia pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

PENILAIAN BAHASA ASING SEBAGAI INDEKS PRESTIJ

Sebagai bukti konkrit bahawa pendidikan bahasa Melayu ketandusan piawai penilaian prestasi pencapaian bahasa Melayu asing, satu perbandingan sistem penilaian bahasa Melayu dengan sistem penilaian bahasa asing yang ada di pasaran antarabangsa dikemukakan. Dalam pasaran pendidikan bahasa asing, bahasa Jepun, Korea Selatan, German, Perancis dan Mandarin memiliki peperiksaan yang dikenali ramai sebagai penilaian kefasihan bahasa asing masing-masing. Tahap pencapaian bahasa seseorang pelajar asing yang sedang mempelajari bahasa Jepun boleh dipastikan melalui peperiksaan Japanese Language Proficiency Test (JLPT) manakala seseorang pelajar yang mempelajari bahasa Korea boleh menduduki peperiksaan Korean Language Proficiency Test

(KLPT) bagi tujuan yang sama. Begitu juga halnya dengan pendidikan bahasa Mandarin asing, seseorang pelajar bahasa Mandarin asing boleh menduduki peperiksaan Hanyu Shuiping Kaoshi (HSK).⁸ Peperiksaan HSK berpandukan kerangka penilaian yang terdapat dalam peperiksaan TOEFL. Pada masa ini penilaian bahasa Mandarin menjadi penilaian baku mengukur pencapaian bahasa Mandarin pelajar asing yang berminat untuk belajar di menara gading di seluruh negara China.

Pada peringkat supranasional, pendidikan bahasa Perancis asing merupakan contoh yang amat baik bagi menggalurkan hubungan simbiotik dalam pelaksanaan pendidikan bahasa asing sebagai bahasa kebangsaan. Kejayaan Alliance Francaise yang terdapat dalam 33 buah negara menunjukkan bahawa bahasa dan kebudayaan Perancis masih menjadi bahasa kebangsaan kebanggaan rakyat negara Perancis yang juga bahasa asing yang popular. Alliance Francaise sebagai pusat bahasa dan kebudayaan menawarkan dua jenis sijil diploma dalam penilaian prestasi pencapaian bahasa Perancis sebagai bahasa asing.⁹ Penilaian dalam setiap diploma terdiri daripada tiga tahap pencapaian yang berlainan. Setiap satu tahap menyuratkan perbezaan prestasi kefasihan bahasa dan budaya Perancis yang tertentu dalam kalangan pelajar asing di serata dunia.¹⁰ Sebagai pusat pendidikan budaya dan bahasa Perancis yang aktif di luar negara Perancis, Alliance Francaise kini telah mencecah lebih 1000 buah pejabat cawangan di serata dunia.

Perbincangan tentang pendidikan bahasa Eropah sebagai bahasa asing tidak akan lengkap tanpa penelitian ke atas Goethe-Institut. Pusat pendidikan bahasa asing ini merupakan institusi pendidikan bahasa dan kebudayaan Jerman. Sebagai badan pemantau, penyelarar serta perkembangan bahasa dan kebudayaan, Goethe-Institut menawarkan penilaian pencapaian prestasi bahasa Jerman pada 6 peringkat kefasihan yang berbeza-beza menerusi Goethe-Institut di seluruh dunia.¹¹ Kejayaan dalam usaha pemeraksanaan bahasa dan budaya Jerman yang jelas ialah sumbangan kewangan dari Parlimen Jerman ke atas institut pengajian bahasa asing ini buat kali pertama pada 2007. Selain daripada bahasa Perancis dan Jerman, bahasa-bahasa Eropah yang telah menawarkan penilaian prestasi pencapaian bahasa asing ialah bahasa Belanda, Sepanyol, Itali dan Inggeris.¹² Dalam erti kata yang lain, bahasa kebangsaan sesebuah negara maju sepatutnya mudah didaftar sebagai bahasa asing oleh sesiapa yang berminat untuk mempelajarinya pada peringkat supranasional. Adalah tidak keterlaluan jika bahasa kebangsaan berjaya menjadi bahasa supranasional popular sebagai semiotik negara maju yang memiliki nilai jati diri yang berkewibawaan.

Penilaian prestasi pencapaian bahasa asing yang mantap merupakan indeks akademik yang penting dalam pengesahan tahap pencapaian pelajar asing; baik dari sudut linguistik mahupun kadar celik budaya sasaran. Apa pula kayu pengukur prestasi pencapaian pelajar bahasa Melayu asing? Ternyata bahawa kumpulan pelajar ini masih belum memiliki peperiksaan yang diiktiraf; baik pada peringkat nasional ataupun pada peringkat supranasional. Penilaian prestasi

pencapaian bahasa Melayu dalam institut pengajian tinggi sebagai syarat kemasukan ke dalam sesuatu program pengajian di universiti tempatan yang ada masih bersifat ad hoc kerana penilaiannya lebih bersifat urusan dalaman universiti. Sebaliknya, tinjauan di internet sepintas lalu tentang syarat-syarat kelayakan dan kelulusan bahasa bagi kemasukan pelajar asing ke tiga buah universiti awam terpilih di Malaysia memperlihatkan satu perkara yang menarik tentang syarat kemasukan yang mewajibkan kelulusan bahasa Inggeris dan bukannya bahasa kebangsaan.

Jadual 1: Kelayakan bahasa Inggeris dalam syarat kemasukan di universiti tempatan

Universiti Awam	Pencapaian bahasa Inggeris dalam syarat kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda bagi warga asing
Universiti Malaya	Pengecualian daripada kursus bahasa Inggeris sekiranya pemohon mencapai skor 550 dalam TOEFL atau 6.0 dalam IELTS (syarat bagi pemohon dari 7 buah negara). ¹³
Universiti Sains Malaysia	Skor 500 dalam TOEFL atau 5.5 dalam IELTS. ¹⁴
Universiti Kebangsaan Malaysia	Skor 550 dalam TOEFL atau 6.0 dalam IELTS. ¹⁵

Sekiranya penilaian prestasi pencapaian bahasa Inggeris antarabangsa seperti TOEFL dan IELTS digunakan sebagai syarat kemasukan pelajar asing ke dalam universiti tempatan maka tidak ada sebabnya penilaian prestasi pencapaian bahasa Melayu pada peringkat lisan dan tulisan bagi kumpulan pelajar yang sama diabaikan. Ada tiga sebab utama di sebalik syarat kelayakan bahasa Melayu diperlukan. Pertama, kefasihan bahasa Melayu sebagai syarat kemasukan mencerminkan prestij bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa kebangsaan tuan rumah. Kedua, dari segi sosialisasi, kefasihan bahasa Melayu membolehkan serta memudahkan pergaulan (mesra) dalam kalangan pelajar universiti memandangkan majoriti warga universiti tempatan bertutur bahasa Melayu sebagai bahasa pertama. Ketiga, dari sudut pragmatik, kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang bernilai tinggi akan terjamin.

Dalam pengamatan perbincangan ini, kita belum mempunyai suatu sistem penilaian prestasi pencapaian bahasa Melayu yang selaras bagi pelajar asing pada peringkat pascasekolah. Selepas lebih daripada tiga setengah dekad MABBIM membina istilah dan menyelaraskan ejaan kini tibalah masanya pendidikan dan penilaian prestasi pencapaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing diberikan perhatian yang sewajarnya. Setelah lebih daripada empat dekad bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan, yakni 10 tahun selepas kemerdekaan mulai tahun 1967, peperiksaan bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang berpandukan satu piawaian baku amat diperlukan dalam fasa pemantapan bahasa Melayu yang selanjutnya. Selain itu, sebuah badan penilaian bahasa Melayu asing disyorkan berguna dalam urusan pendidikan bahasa Melayu supranasional.

TAJAJAN SUPRANASIONAL

Selanjutnya, syor yang perlu diberi perhatian ialah dana perkembangan bahasa Melayu pada tahap antarabangsa. Seperti halnya dengan sumbangan kewangan yang diperolehi daripada pentadbiran pusat kepada Goethe-Institut; Yayasan Jepun dan Yayasan Korea yang masing-masing ditubuhkan pada 1972 dan 1991 telah diperuntukkan dana yang mencukupi untuk memperkembangkan program bahasa Jepun dan Korea sebagai bahasa asing pada peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, Yayasan Jepun begitu mementingkan kualiti bahasa Jepun telah mewajibkan guru-guru bahasa yang menerima gaji Yayasan Jepun untuk menduduki peperiksaan kefasihan yang disediakan oleh Yayasan Jepun sendiri pada setiap dua tahun demi menjamin mutu bahasa Jepun tenaga pengajarnya.¹⁶ Guru bahasa dari Yayasan Korea pula begitu giat mendukung martabat profesion mereka di negara lain sehingga sanggup menjalankan kerja persediaan iringan serta semak semula dalam perancangan, pengkaedahan dan penilaian bahasa Korea yang ditawarkan.

Dalam usaha memperkembang pendidikan bahasa Jepun, Yayasan Jepun juga sedia menaja kos penerbangan pakar bahasa Jepun terapan dari negara Jepun untuk memberikan ucapnama atau syarahan jemputan di persidangan antarabangsa. Tiga agenda utama yang telah disenaraikan sebagai tujuan penubuhan Yayasan Jepun adalah untuk memupuk pertukaran seni dan budaya Jepun, menggiatkan pendidikan bahasa Jepun di luar negara dan melaksanakan perancangan pertukaran intelektual serta pengajian Jepun ke luar negara. Yayasan Jepun amat bermurah hati dalam penajaan pakar bahasa Jepun ke luar negara. Antara yang lain, kos penerbangan Naoko Aoki dari Universiti Osaka telah ditaja oleh Yayasan Jepun untuk menghadiri Centre for Language Studies International Conference (CLaSIC) 2010. Dalam syarahannya, Aoki memaparkan penggunaan catatan jurnal sebagai teknik kajian dalam kalangan pelajar Jepun yang sedang membuat persiapan sebagai pelatih guru bahasa. Penajaan tersebut telah memperkayakan fahaman berdasarkan tema persidangan, *Angkubah Subjektif dalam Pendidikan dan Pengkaedahan Bahasa Asing* dari sudut pandangan budaya-bahasa Jepun.

Terdahulu, Yayasan Jepun menaja perjalanan Richard Harrison dari Universiti Kobe, Jepun ke CLaSIC 2008 di Universiti Nasional Singapura. Sebagai pensyarah ucapnama pada hari keempat di persidangan yang bertemakan pendidikan bahasa asing berteraskan media, Harrison telah menyampaikan syarahan beliau dengan alat bantu yang terdiri daripada klip video drama gaya unik komuniti Osaka serta rakaman gambar digital tentang projek pelajar bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Harrison (2011) membandingkan pengkaedahan teknologi lama seperti sistem cetak dalam surat khabar serta pendekatan teknologi baru seperti rakaman video dan perbincangan forum digital yang telah menghasilkan kadar pemerolehan bahasa Jepun pada tahap yang berbeza-beza dalam pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing.

Yayasan Jepun sering kali menerima permintaan penajaan ilmiah dengan tangan terbuka membuahakan pengalaman manis kepada pihak penganjur persidangan bahasa asing. Sumbangan Yayasan Jepun dalam kedua-dua ucapatama di Asia Tenggara penting kerana ia memudahkan pakar bahasa Jepun berinteraksi dengan komuniti sasaran di persada ilmiah antarabangsa. Sebagai perbandingan dengan situasi pemupukan bahasa Jepun yang diterangkan, panggilan telefon daripada penulis kepada duta Malaysia di luar negara telah diberikan balasan bahawa tiada peruntukan belanjawan penajaan bahasa. Oleh yang demikian, agenda bahasa kedua bangkit dalam perbincangan ini: Wajarkah sebuah badan Yayasan Bahasa Melayu ditubuhkan sebagai organisasi pelaksanaan dan penyelarasan Penilaian Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing? Yayasan Bahasa Melayu ini berperanan sebagai agen pengurusan lawatan luar negara bagi pakar-pakar bahasa di perhimpunan bahasa dan budaya antarabangsa. Usaha ini dipercayai dapat meningkatkan taraf bahasa Melayu asing. Yayasan Bahasa Melayu berpengaruh besar dalam pelaksanaan dan pemupukan bahasa Melayu supranasional, baik dari sudut pendedahan, pemantapan, ataupun perkembangan bahasa Melayu.

Dengan penajaan pakar bahasa Melayu ke luar negara, nama baik bahasa Melayu bukan sahaja tersebar luas di dunia malahan usaha ini memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai wahana pengetahuan pada peringkat supranasional. Usaha untuk menghantar duta akademik budaya-bahasa Melayu menerusi pembiayaan merupakan jentera penggerak bahasa tersebut. Seiring dengan usaha ini, bahasa Melayu akan berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan bahasa-bahasa asing di persada antarabangsa. Rancangan belanjawan yang lebih menyeluruh perlu disusun dan dipantau agar usaha perkembangan bahasa Melayu berjalan lancar seperti halnya dengan Yayasan Jepun dan Goethe-Institut dalam perkembangan pendidikan budaya-bahasa masing-masing pada peringkat antarabangsa. Sebagai alternatif tambahan, pihak swasta yang lebih berkemampuan mungkin boleh diberikan kelonggaran cukai jika dana tajaan bahasa diperuntukkan sebagai program mesra komuniti supranasional dalam perbelanjaan kewangan tahunan sesebuah korporat.

PENERAPAN PENDIDIKAN BAHASA ASING

Lebih daripada 15 tahun dahulu, sebuah laporan yang diterbitkan dalam Times Higher Education pernah menggalurkan bibit-bibit yang menimbulkan perselisihan faham di antara pelawat Inggeris dan tuan rumah Melayu.

I have also observed how as visitors to Malaysia, academics have commented on the funny way in which bahasa forms plurals by reduplication. Their Malaysian counterparts have again smiled while grinding their teeth at such ignorance and superciliousness. Bahasa just means language, not Malay, as the

ignorant expatriate thinks – Malay is Bahasa Melayu as English is Bahasa Inggris [sic] – and it is of course a failure to observe common rules of courtesy to make dismissive remarks about the language of one's hosts (Watson, 1996).

Keterangan di atas menunjukkan sikap segelintir penutur bahasa Inggeris mengambil mudah terhadap makna bahasa Melayu termasuk menyamakan perkataan "bahasa" dengan bahasa Melayu. Dewasa ini, pelajar-pelajar bahasa asing masih membuat kesilapan sedemikian. Hal ini menjadi lebih ketara apabila perkataan "bahasa" juga dijadikan rujukan pintas bagi bahasa Indonesia. Sebenarnya, kekeliruan sedemikian dapat dielakkan menerusi pendidikan di kelas dan pendedahan secara tidak langsung melalui program pendedahan bahasa asing yang cuba membawa para pelajar mendekati komuniti penutur bahasa asal.

Sebagai agenda ketiga, pemantapan pengajian budaya dan bahasa Melayu di peringkat supranasional boleh disempurnakan menerusi rancangan penerapan bahasa asing melalui program belajar cuti akhir semester untuk mempertingkatkan tahap celik budaya dan bahasa dalam kalangan pelajar asing yang sedang mempelajari bahasa Melayu sama ada di dalam ataupun di luar negara Malaysia. Setakat ini, program bahasa Melayu yang ditawarkan kepada pelajar asing lebih bersifat pengajian formal berdasarkan penawaran modul-modul tertentu. Program terapan bahasa Melayu jangka pendek yang bersesuaian sebagai pendidikan pendedahan dapat memupuk rasa cinta budaya dan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing dari luar negara. Nilai budi pekerti dan kesantunan bahasa tidak akan tampak di kertas bercetak sebaliknya daripada pergaulan dengan penutur asalnya dalam kehidupan seharian. Imej penutur bahasa yang lemah-lembut akan maujud melalui "program turun bendang" yang boleh ditawarkan kepada pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa asing, baik di kampus serantau mahupun di negara asing.

Dengan adanya jentera penggerak bahasa seperti Yayasan Bahasa Melayu, tumpuan ke atas perkembangan pembelajaran bahasa dari sudut pendedahan budaya dan pendidikan interaktif dapat melestarikan kecerdasan budaya Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Manfaat yang besar juga boleh didapati hasil kunjungan ke badan budaya dan pusat bahasa tempatan dalam lawatan sambil belajar. Justeru, Yayasan Bahasa Melayu dapat melahirkan program bahasa asing tahunan seperti program pendidikan bahasa Asia Tenggara musim luruh yang dijalankan di Amerika Syarikat. Sebagai alternatif bagi kerangka program musim luruh, Yayasan Bahasa Melayu boleh melancarkan program Bahasa Melayu Musim Buah-buahan Tropika Tempatan atau kelas Bahasa Melayu Pesta Layang-layang Jangka Pendek. Rancangan sedemikian bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan ekonomi penutur asal bahasa Melayu di desa tetapi pada masa yang sama melestari kedudukan Malaysia sebagai pengeksport bahasa Melayu.

Dengan cara ini, sesebuah desa mungkin bertukar wajah menjadi pusat pendidikan budaya dan bahasa bagi pelajar asing yang ingin melihat lembah, rabung, terusan, kali, batas ubi, reban ayam, atap nipah, pelita minyak tanah, kelambu tidur, bendang, dusun, asap kemenyan, air kelapa muda, minyak kelapa, daun serta tepak sirih, kandang kerbau, sarang unggas dan lain-lain lagi. Program masuk kampung yang baru boleh dilancarkan dengan pendidikan budaya dan bahasa yang berpotensi sebagai sebahagian daripada mata pencarian dalam rangkaian pendidikan bahasa asing pada peringkat antarabangsa. Perkara ini bukan suatu angan-angan Mat Jenin memandangkan Universitas Gadjah Mada telah memulakan program pendidikan bahasa Indonesia sebagai bahasa asing.¹⁷ Usaha sepadu dalam kalangan pencinta dan penggiat bahasa Melayu sudah tentu dapat menghasilkan rancangan yang berfaedah ke arah pendidikan bahasa Melayu asing yang bertaraf tinggi.

Program pengukuhan bahasa asing di kebanyakan pusat pengajian tinggi bercorak merentas benua dan lautan. Sebagai contoh, program pengayaan bahasa Korea sebagai bahasa asing ditawarkan oleh universiti di Korea Selatan. Dengan bayaran sebanyak \$800 dolar Amerika sebagai yuran belajar dan penginapan, pelajar asing menghabiskan masa selama dua minggu di Korea Selatan mempelajari bahasa Korea. Kos tambahan seperti perbelanjaan harian, alat tulis dan kos pengangkutan sekitar \$600 menjadikan harga yang dikenakan agak berpatutan. Pada peringkat awal pelaksanaannya, program sebegini sudah mendapat sambutan di antara 8 hingga 15 orang graduan ijazah sarjana muda pada cuti akhir semester. Pelajar-pelajar ini lebih berminat mempelajari bahasa dan budaya melalui lawatan sambil belajar ke luar negara.

PERBINCANGAN

Pendidikan bahasa Melayu sebagai bahasa asing yang terancang sebenarnya menyusuri sejarah bahasa Melayu sebagai lingua franca bagi perdagangan di Selat Melaka. Adalah tidak keterlaluan jika tersimpan hasrat untuk menghidupkan semangat lingua franca pada zaman kegemilangan empayar Melaka. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah lingua franca dengan sewenang-wenangnya pernah dipersoalkan dalam perbincangan bahasa rojak (Asmah, 2011). Lingua franca dalam erti kata yang sebenarnya merupakan bahasa kacukan yang dikenali sebagai bahasa Pijin. Bahasa ini dituturkan di pasar borong ikan, pelabuhan dan ladang. Oleh sebab ragam bahasa tersebut bertaraf rendah, para pengguna bahasa Melayu digalakkan memilih ragam bahasa Melayu tinggi dan bukannya bahasa Melayu lingua franca yang bersifat bahasa basahan.

Secara amnya, penilaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing memang diperlukan untuk mengisi lopong pendidikan bahasa asing agar terhasilnya suatu piawai penilaian yang dapat diterima sebagai pengukur pencapaian kefasihan berbahasa Melayu. Secara khususnya, penilaian bahasa Melayu yang setara dengan bahasa asing yang lain adalah mustahak kerana penilaian sedemikian

merupakan indeks kesahihan pencapaian pelajar asing. Penilaian bahasa Melayu yang bertaraf antarabangsa akan berfungsi sebagai motivasi ekstrinsik dalam pendidikan bahasa Melayu asing. Sistem penilaian bahasa asing yang mantap menepati dapatan dalam kajian Ainol Madziah dan Isarji (2009). Kajian mereka mendapati bahawa keinginan para pelajar memperlengkapkan diri bagi menghadapi keperluan kerjaya pada masa depan menjadi motivasi ekstrinsik yang paling penting dalam pengalaman pembelajaran bahasa asing. Penilaian bahasa Melayu yang dikemas kini sebenarnya pemacu kurikulum bahasa Melayu yang terancang dari segi kandungan dan pedagogi. Hal ini penting bagi menangani pencapaian bahasa Melayu yang rendah kerana sebahagian besar bilangan pelajar asing memperlihatkan prestasi yang lemah dan gagal menguasai kemahiran berbahasa Melayu (Fa'zal, Mohamed Amin dan Zamri, 2010).

Sebagai contoh, dalam pendidikan bahasa Korea, pelajar diperkenalkan enam tatattingkat kesopanan dalam budaya pertuturan bahasa Korea. Seperkara lagi, pelajar bahasa Jepun juga harus memahami tiga tatattingkat kesopanan dalam komunikasi harian pada peringkat awal penguasaan budaya-bahasa Jepun. Dalam konteks ini, perbezaan antara beliau dan dia, ayahanda dan ayah, bonda dan ibu, kita dan kami. Selain daripada perbezaan semantik kita-kami, aku-saya, dia-nya dan awak-anda-kamu juga mendukung kelainan nilai pragmatik yang berbeza-beza dalam sosiolinguistik bahasa Melayu. Sememangnya, sistem kata ganti nama bahasa Melayu menyuratkan nilai budi yang rencam dalam interaksi. Komponen linguistik yang bersifat interaktif ini boleh dijadikan lapisan pengetahuan sosiolinguistik yang cukup menarik hati bagi para pelajar asing. Pemahaman ciri lisan bahasa Melayu yang tepat akan meningkatkan kecerdasan budaya khususnya kecerdasan emosi dalam pemerolehan bahasa Melayu asing khususnya gaya interaksi penutur asal bahasa Melayu. Justeru itu, pendedahan budaya-bahasa pelajar asing menerusi program "turun bendang" berfungsi sebagai pengkaedahan bahasa sejadi bagi melengkapi pedagogi bahasa Melayu asing yang berpusatkan guru.¹⁸

Semangat yang kental penting supaya pihak pejuang serta pentadbir bahasa Melayu terus menggembeleng tenaga demi memperjuangkan pendidikan bahasa asing dan pemeliharaan budaya Melayu. Pendidikan bahasa Melayu asing yang selaras dengan sistem penilaian supranasional akan mengangkat martabat pendidikan bahasa Melayu ke tahap yang lebih mapan di kaca mata dunia. Selain daripada itu, usaha perancangan bahasa Melayu supranasional mungkin meniupkan nafas baru ke dalam usaha penjanaan sumber ekonomi baru. Pendekatan pendidikan bahasa sebegini adalah berguna untuk membasmi gejala autisme budaya Melayu, iaitu sindrom kecerdasan emosi terhadap budaya pertuturan Melayu yang rendah.¹⁹ Dengan ini, pendidikan budaya-bahasa Melayu di desa sebenarnya senjata berkesan untuk membasmi fahaman negatif tentang budi bicara dalam gaya lisan orang Melayu yang berakar umbi sejak kurun ke-19 (Asmah, 1995). Dalam pada itu, pemeliharaan bahasa Melayu turut menentang hakisan global seraya memperkuat jati bangsa Melayu. Sebarang alasan

negatif terhadap perancangan ke arah pendidikan bahasa Melayu asing seperti kurang permintaan atau kerumitan dalam proses penyelarasan penilaian bahasa Melayu sebagai bahasa asing sepatutnya menjadi daya pendorong untuk melaksanakan projek bahasa asing supranasional.

KESIMPULAN

Pelajar asing menganggap bahasa sebagai suatu khazanah semula jadi warisan manusia yang semakin penting di dalam dunia global. Budaya dan bahasa kebangsaan tempatan yang telah mantap perlu ditingkatkan ke tahap baru, yakni bahasa asing supranasional. Langkah ini membuka kesempatan untuk menerokai fasa yang lebih tinggi sehingga penubuhan jentera penggerak bahasa Yayasan Bahasa Melayu bagi perkembangan warisan Melayu yang setara dengan badan penggerak budaya-bahasa Eropah dan Asia Timur. Sememangnya masih ada ruang kosong yang besar untuk dipenuhi dalam tugas pemupukan budaya dan bahasa Melayu pada peringkat supranasional. Sama ada penyetaraan sistem penilaian prestasi pencapaian kemahiran berbahasa Melayu, penajaan duta bahasa ke persidangan bahasa asing mahupun pelaksanaan program pendidikan celik budaya menerusi program masuk kampung, kesemua usaha akan terus memantapkan pemeliharaan budaya dan bahasa Melayu.

Sebagaimana halnya dengan Peperiksaan Baccalaureate yang telah menjadi alternatif bagi sijil Sindiket Peperiksaan Cambridge peringkat biasa, pelaksanaan penilaian bahasa Melayu supranasional sebagai bahasa asing bukanlah omong kosong semata-mata. Negara yang berwawasan maju dan pada masa yang sama bertekad mengekalkan jati diri perlu mengangkat bahasa kebangsaannya sebagai bahasa asing yang berwibawa. Sememangnya, Yayasan Bahasa Melayu dapat mendukung tanggungjawab untuk menyekat arus globalisasi yang saban hari semakin bergelora melunturkan ciri-ciri asli budaya tempatan. Usaha penambahan penutur bahasa dan peminat budaya Melayu di seluruh pelosok dunia menjadi benteng pertama bagi komuniti Melayu menghadapi ancaman globalisasi. Adalah tidak mustahil pada suatu hari nanti cita-cita untuk mewujudkan sijil kefasihan bahasa Melayu pada peringkat awal, peringkat menengah dan peringkat tinggi yang menjadi sasaran pelajar asing menjadi suatu kenyataan. Pendidikan bahasa Melayu supranasional akan tercabul dengan perancangan dan rombakan struktural bahasa Melayu yang baru menuju ke arah pendidikan bahasa asing yang berpiawaian.

PENGHARGAAN

Penulis terhutang budi kepada pewasit yang memberikan cadangan bernas dalam dua kitaran penilaian. Cadangan membina daripada pewasit telah meningkatkan mutu akademik rencana ini. Kesemua kelemahan yang tertinggal tanggungjawab penulis sendiri.

NOTA

1. Semua pelajar di maktab rendah mengikuti pendidikan prauniversiti yang lazimnya tamat dengan Sijil Lembaga Peperiksaan Cambridge Peringkat A atau lebih dikenali sebagai the Cambridge A-level Examination.
2. Sila lihat kesemua negara asal para ahli pemedato di laman rasmi Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu di pautan <http://www.pabm.com.my/peserta.html>
3. Perlu ditegaskan dalam perbincangan ini bahawa jawatan Profesor Kesusasteraan Indonesia-Melayu pernah wujud di Universiti La Trobe sehingga persaraan Harry Aveling pada 2008. Kini hanya pengajian bahasa Indonesia sebagai bahasa asing yang masih ada di Fakulti Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti La Trobe.
4. Asmah Haji Omar, *Carik-carik Bulu Ayam: Kisah Rundingan Bahasa Dunia Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 100–101. Sebagai contoh, pemantapan awalan bahasa Melayu dalam istilah sains bagi istilah /de-/ dalam bahasa Inggeris yang membabitkan perdebatan tentang istilah /awa-/ dan /nyah-/ telah direkodkan. Asmah, *Carik-carik Bulu Ayam*, 146. Sebagai perkembangan baru dalam hala tuju pembinaan bahasa Melayu, dinyatakan bahawa sidang eksekutif MABBIM pada bulan Mac 2007 telah mencapai kata sepakat untuk berpaling ke haluan baharu dengan memberi tumpuan pada bidang pembinaan ilmu dalam bahasa Melayu/Indonesia menerusi usaha penerbitan.
5. Setakat ini, sejumlah 27 juta orang calon telah menduduki peperiksaan TOEFL (<http://www.ets.org/toefl/>) sementara seramai 1.7 juta orang calon mengikuti peperiksaan IELTS pada setiap tahun (<http://www.ielts.org/>).
6. Dalam syarahan, *The failures of neoliberalism and the roads to the future*, Walter D. Mignolo menakrifkan konsep globalisasi. Semua kajian globalisasi sebenarnya fahaman lokal kerana titik tolak analisis globalisasi merupakan pandangan dasar yang membandingkan gejala-gejala setempat dengan fenomena global. Analisis globalisasi yang mutlak tidak wujud memandangkan setiap analisis menggunakan ufuk pandangan yang bertapak kukuh di daerah asal.
7. Lihat Judith Nagata, "Modern Malay women and the message of the 'Veil,'" in *"Male" and "Female" in developing Southeast Asia*, ed. Wazir Jahan Karim (Oxford: Berg Publishers, 1995), 101–120; Yunita T. Winarto, "A non-linear intellectual trajectory: My diverse engagements of the "Self" and "Others" in knowledge production," in *Decentering & Diversifying Southeast Asian Studies*, ed. Goh Beng-Lan (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2011), 168–186. Contoh kajian yang menggunakan teknik perspektif majmuk untuk memahami sesuatu permasalahan dengan sempurna termasuklah kajian tentang semiotik tudung wanita Islam di Malaysia yang diusahakan oleh Judith Nagata dan pengkaedahan majmuk dalam penyelesaian isu-isu pertanian di Indonesia yang disempurnakan oleh Yunita T. Winarto.
8. Usaha mewujudkan penilaian prestasi pencapaian bahasa Mandarin (HSK) ini dipelopori oleh Universiti Bahasa dan Kebudayaan Beijing.
9. Nama kedua-dua diploma ini ialah Diploma in French Language Studies (DELF) dan Diploma in Advanced French Language Studies (DALF). Sila lihat bahagian ujian di laman web Alliance Francaise untuk maklumat lanjut pada <http://www.alliancefr.org/en/individual-students/diplomas-and-tests/>.
10. Dalam interaksi bersemuka, Laurent Metzger menyatakan bahawa arus globalisasi juga melanda anak-anak muda di Perancis sehingga bahasa pertuturan harian sesetengah remaja di situ memperlihatkan ciri bahasa lisan yang semakin keinggerisan.
11. Peperiksaan yang ditawarkan bergelar Goethe Zertifikat yang terbahagi pada prestasi A1, A2, B1, B2, C1 dan C2. Pemingkatan prestasi bahasa dalam peperiksaan ini berdasarkan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Sila rujuk pada <http://www.goethe.de/lrn/prj/pba/bes/enindex.htm> bagi keterangan lanjut.
12. Sila lihat SurveyLang <http://www.surveylang.org/>

13. Sila rujuk syarat kemasukan bagi pelajar asing di laman universiti tersebut: <http://isc.um.edu.my/Undergraduate-Admission/entry-requirement.html>
14. Sila rujuk syarat kemasukan bagi pelajar asing di laman universiti tersebut: http://www.admissions.usm.my/index.php?option=com_content&view=article&id=10&Itemid=35&lang=ms
15. Sila rujuk syarat kemasukan bagi pelajar asing di laman universiti tersebut: <http://www.ukm.my/v3/images/stories/pdf/BWARGA2012-2013.pdf>
16. Komunikasi interpersonal dengan mantan guru bahasa Yayasan Jepun, Saeko Kitai.
17. Seperti yang tertera pada laman web pengajian bahasa dan sastera di Universiti La Rochelle pelajar program bahasa Indonesia di Universiti La Rochelle yang berminat boleh belajar di beberapa universiti di Sumatera, Indonesia atau Brunei pada tahun ketiga dalam pengajian mereka. Laman web universiti tersebut hanya menyenaraikan tiga buah institusi Malaysia sebagai pilihan, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Open University of Malaysia dan Universiti Teknologi Mara. (Sila rujuk http://www.univ-larochelle.fr/cdm/ws?_cmd=getFormation&_oid=diplome-9999524&_redirect=voir_fiche_program&_lang=fr-FR)
18. Fa'zal Abd. Manan, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod, "Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia," *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2, No. 2 (2010): 64–76. Kajian tentang pendidikan bahasa asing melaporkan bahawa pendekatan pendidikan bahasa Melayu yang berpusatkan guru telah dikenal pasti sebagai punca kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di institusi pengajian tinggi Malaysia.
19. cf. Earley, Christopher and Tan, *Developing Cultural Intelligence at Work* (California: Stanford Business Book, 2006).

RUJUKAN

- Ainol Madziah Zubairi dan Isarji Hj. Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2): 73–87.
- Asmah Haji Omar. 2011. *Kajian dan perkembangan bahasa Melayu*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2010. *Carik-carik bulu ayam: Kisah rundingan bahasa dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2005. Verbal habits of the Malays: Portrayals by western writers. In *Malay images*, ed. Asmah Hj. Omar, 263–278. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- _____. 1995. *Bahasa kesusasteraan klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky, V. 2008. Traditional literatures of Southeast Asia: A comparative perspective. Paper presented at Public Lectures, National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore. 14 August.
- Chew, P. G-L. 2010. Linguistic capital, study mothers and the transnational family in Singapore. In *Globalization of language and culture in Asia*, ed. Viniti Vaish, 82–105. London: Continuum.

- Earley, P. C., S. Ang and J-S. Tan. 2006. *Developing cultural intelligence at work*. California: Stanford Business Book.
- Fa'zal Abd. Manan, Mohamed Amin Embi and Zamri Mahamod. 2010. Kerangka pembangunan dan penilaian modul belajar cara belajar bahasa Melayu pelajar asing institusi pengajian tinggi Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 64–76.
- Goh, B-L. 2011a. Disciplines and area studies in the global age: Southeast Asian reflections. In *Decentring & diversifying Southeast Asian Studies*, ed. B-L. Goh, 1–59. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- _____, ed. 2011b. *Decentring & diversifying Southeast Asian Studies*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Harrison, R. 2011. Media and mediation – Teachers, learners and learning environments. In *Media in Foreign Language Teaching and Learning*, eds. W. M. Chan, K. N. Chin, M. Nagami and T. Suthiwan, 297–311. Berlin: De Gruyter Mouton.
- Huang, S. and B. S. A. Yeoh. 2005. Transnational families and their children's education: China's "study mothers" in Singapore. *Global Networks* 5(4): 379–400.
- Mignolo, W. D. 2012. The failures of neoliberalism and the roads to the future. Block AS7 #01-02, Faculty of Arts and Social Sciences, National University of Singapore. 4 April.
- Nagata, J. 1995. Modern Malay women and the message of the 'Veil'. In *"Male" and "Female" in developing Southeast Asia*, ed. Wazir Jahan Karim, 101–120. Oxford: Berg Publishers.
- Watson, B. 1996. On the wrong road to Malay. *Times Higher Education* 12 April. <http://www.timeshighereducation.co.uk/story.asp?storyCode=93251§ioncode=26/> (accessed 18 April 2012).
- Winarto, Y. T. 2011 A non-linear intellectual trajectory: My diverse engagements of the "Self" and "Others" in knowledge production. In *Decentring & diversifying Southeast Asian Studies*, ed. B-L. Goh, 168–186. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.